

02 OCT 2003

Mahathir-pendaftaran

KEMUDAHAN DAFTAR KAPAL LAYAR JULANGKAN LAGI NAMA LANGKAWI, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemudahan Pendaftaran Kapal Layar Langkawi, yang beliau lancarkan hari ini, akan menjulang lagi nama Langkawi dan membantu menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

"Dengan adanya Langkawi International Yacht Registry, Langkawi akan lebih terkenal dan kita berharap ia akan menjadi pusat di sebelah timur untuk menempatkan kapal layar mereka," kata Perdana Menteri pada majlis pelancaran itu di Awana Porto Malai di sini, tempat berlangsungnya segmen maritim dalam Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2003.

Dr Mahathir berkata kemudahan pendaftaran itu wajar kerana banyak kapal layar pada masa ini termasuk yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, didaftar di Hindia Barat, Caribbean dan United Kingdom.

Beliau berkata pemilik tidak perlu membawa kapal layar mereka ke Langkawi untuk didaftar kerana kemudahan pendaftaran itu membenarkan pendaftaran dibuat tanpa bot-bot itu dibawa ke sini.

Pelancaran tidak rasmi kemudahan Pendaftaran Kapal Layar Langkawi telah dilakukan oleh Dr Mahathir di Monaco sempena lawatannya ke negara itu pada Jumaat lepas.

Perdana Menteri berkata bahawa demi kebaikan industri maritim, kerajaan telah memasang 12 stesen radar di sepanjang pantai Semenanjung bagi menjamin keselamatan kapal dan kapal layar yang menggunakan Selat Melaka.

"Kami juga menambah bot peronda, dan kami memberi jaminan terhadap keselamatan kapal layar yang didaftar dan dilabuhkan di Langkawi," katanya.

Selain keselamatan, soal penyenggaraan kapal layar juga telah diberi pertimbangan, dan untuk tujuan itu, sebuah pusat membaik pulih dan menyenggara kapal layar telah dibuka.

"Malahan, kami juga mampu membina kapal layar," kata Dr Mahathir.

Beliau berharap kapal layar yang didaftar di Langkawi akan mengibarkan bendera Malaysia ketika berada di perairan rantau ini, dan ini akan menjadi Langkawi dan Malaysia lebih terkenal kepada dunia.

"Ini akan menyumbang ke arah menarik lebih ramai pelancong. Apabila pelancong datang ke Malaysia, mereka akan tahu bahawa negara ini selamat, dan ini dapat menyangkal komen yang teruk terhadap negara ini oleh beberapa pihak," katanya.

Dr Mahathir berkata Langkawi menawarkan banyak tempat menarik untuk dilawati, antaranya, kawasan helang datang untuk makan dan tempat ikan pari diberi makanan.

Selain Langkawi, terdapat beberapa marina lain di negara ini termasuk di Sabah dan Sarawak, dan ini baik untuk industri maritim negara, katanya.

"Pada 2002, kita terima 13 juta pelancong tetapi objektif kita ialah mendapatkan 25 juta pelancong. Kita mahukan seorang pelancong bagi setiap rakyat Malaysia. Kita sekarang mempunyai 25 juta penduduk," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa dahulunya dunia tidak tahu atau mendengar tentang Malaysia tetapi kini negara ini sudah terkenal hasil usaha kerajaan dan rakyatnya.

-- BERNAMA

SR ZS MAI